

PENGANGGURAN GRADUAN

Standard Pembelajaran

2.3.1 Membaca, menilai dan membandingkan bahan teks yang berbeza dengan betul berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks menggunakan teknik bacaan yang sesuai.

Baca petikan dan teliti grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 - Petikan

Dalam suasana alam pekerjaan semakin mencabar, lebih 116,000 graduan memerlukan perhatian untuk meningkatkan pekerjaan mereka. Hari ini, banyak syarikat terjejas dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga menjadi punca pengangguran kerana diberhentikan kerja. Malahan, kajian berkaitan pengangguran graduan mendapati banyak peluang pekerjaan ditawarkan pelbagai syarikat tidak sepadan kemahiran dan tahap pendidikan mereka. Selain itu, kerja banyak ditawarkan dengan gaji rendah sama ada dalam kategori kemahiran rendah atau separa mahir, berbanding untuk mereka yang berkemahiran tinggi. Buktinya, hari ini graduan memiliki sarjana muda bekerja sebagai kerani, penghantar makanan atau operator pengeluaran. Sudah pasti anak muda di universiti hari ini sedar akan realiti ini. Lantas mereka perlu segera mempersiapkan diri.

Oleh itu, graduan perlulah mengambil tahu trend pasaran buruh, industri, pekerjaan dan kerjaya untuk mengelakkan masalah pengangguran. Di samping itu, kualiti diri juga perlu mula dipertingkatkan melalui kemahiran insaniah dan ilmu teknikal selain membina jaringan kepintaran sosial yang lebih luas. Graduan bukan sekadar berdepan dengan saingan sengit sesama sendiri, malah mereka yang diberhentikan kerja. Sudah pasti, kerja kosong sedia ada tidak akan diisi dengan bakat yang tidak berbaloi oleh mana-mana syarikat. Oleh sebab itu, mahasiswa hendaklah membuat persiapan rapi dalam pelbagai aspek dan digerakkan seawal mungkin. Jika tidak, mereka akan ditinggalkan, terutama oleh calon yang lebih berbakat dan sudah berpengalaman.

Tambahan pula, mahasiswa perlu membudayakan sikap ingin belajar serta sedia mencuba sesuatu yang baharu. Budaya ini perlu dipupuk dan dibaja berterusan selama menuntut di universiti. Mahasiswa juga perlu mula membaca bahan mengenai laporan dan kajian berkaitan pasaran pekerjaan serta industri. Cara ini dapat mengenal pasti senarai pekerjaan kritikal diperlukan industri. Bukan itu sahaja, mahasiswa hendaklah melibatkan diri sebagai sukarelawan dalam pelbagai program dan anjuran industri untuk meningkatkan pengalaman realiti masyarakat yang rencam dan pelbagai kerenah. Oleh itu, kita sendiri perlu mencorakkannya. Slogan 'usaha tangga kejayaan' akan tetap relevan sampai bila-bila.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pasaran kerja kian mencabar menuntut graduan persiapkan diri'
oleh Baktiar Hasnan,
Berita Harian Online, 1 April 2021

Bahan 2 - Grafik



Apakah yang perlu anda perolehi selepas membaca semua bahan?



TEMA

Tema ialah isu yang dibincangkan dalam kesemua bahan misalnya **penyakit kencing manis, pelancongan, perpaduan, membaca dan makanan warisan**.
Tema perlulah tepat kerana akan digunakan untuk menulis kesimpulan.



FOKUS

Fokus ialah kandungan perbincangan dalam bahan. Terdapat dua hingga tiga fokus dalam kesemua bahan yang diberikan. Antara fokus bahan ialah **faedah, keburukan, punca, langkah, cabaran, ciri** dan **kesan**.